

21hb. Februari, 1982

Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan

Akauntan Perbendaharaan Jabatan Mengakaun Sendiri

Bendahari Negeri

Akauntan Perbendaharaan Cawangan JAN

Tuan,

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 1982**

**PENUTUPAN AKAUN TAHUN 1981**

Adalah dimaklumkan bahawa akaun tahun 1981 akan ditutup pada 30hb. April, 1982 untuk membolehkan Penyata Kewangan bagi tahun tersebut dikemukakan kepada Ketua Odit Negara tidak lewat daripada 31hb. Julai, 1982 mengikut Seksyen 9(2) Akta Odit, 1957.

**Jadual Bagi Penutupan Akaun Tahun 1981**

Untuk mengelakkan kelewatan penyampaian vaucer dan penyata akaun ke Jabatan ini, maka kerjasama semua pihak adalah sangat-sangat diperlukan untuk mematuhi dengan tepat dan teliti tarikh-tarikh seperti yang dinyatakan dibawah ini:-

	Perkara	Tarikh Akhir
a)	Semua Jabatan Mengakaun Sendiri, Cawangan Jabatan Akauntan Negara dan Perbendaharaan Negeri hendaklah menyampaikan ke Jabatan Akauntan Negara akaun bulanan mereka yang mengandungi perbelanjaan 'Akaun Kena Bayar' yang telah dibayar dalam bulan Januari, 1982 tidak lewat daripada	.20hb. Februari, 1982
b)	Semua Jabatan Mengakaun Sendiri, Cawangan Jabatan Akauntan Negara dan Perbendaharaan Negeri hendaklah menyampaikan ke Jabatan Akauntan Negara Akaun Tambahan Bulan Disember, 1981 yang mengandungi perbelanjaan lain Jabatan tidak lewat daripada	1hb. Mac, 1982
c)	Semua Jabatan Persekutuan hendaklah menyesuaikan baki dalam lejar dan buku vot perbelanjaan mereka dengan rekod akaun yang diselenggara di Jabatan Akauntan Negara dan membuat apa-apa pelaras yang perlu tidak lewat daripada	10hb. Mac 1982

d)	Semua Jabatan Mengakaun Sendiri hendaklah juga menyesuaikan lejar mereka dengan lain-lain Jabatan dan Perbendaharaan Negeri dan membuat pelarasan yang perlu untuk menentukan semua akaun sudah diselesaikan tidak lewat daripada	10hb. Mac 1982
e)	Semua Jabatan Mengakaun Sendiri hendaklah melaraskan semua urusniaga yang mereka lakukan dalam tahun 1981 dalam Akaun Penyesalian mereka dan mempastikan bahawa baki dalam akaun ini hanya menunjukkan baki wang tunai yang dipegang oleh mereka sahaja. Butir-butir pelarasan terakhir akaun ini hendaklah disampaikan ke Jabatan Akauntan Negara tidak lewat daripada	15hb. Mac 1982
f)	Jabatan Akauntan Negara akan menghantar Akaun Tambahan Terakhir Bulan Disember 1981 kepada semua Jabatan Mengakaun Sendiri, Cawangan Jabatan Akauntan Negara dan Perbendaharaan Negeri tidak lewat daripada	31hb. Mac, 1982
g)	Semua Jabatan Mengakaun Sendiri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara hendaklah menyampaikan akaun Tambahan Terakhir Bulan Disember 1981 yang tidak mengandungi apa-apa perbelanjaan lain jabatan atau negeri lagi ke Jabatan Akauntan Negara tidak lewat daripada	10hb. April, 1982
h)	Semua Jabatan Mengakaun Sendiri hendaklah menyampaikan Penyata Kewangan bagi tahun 1981 yang disahkan oleh Pegawai Pengawal sendiri ke Jabatan Akauntan Negara (selepas semua akaun 'memorandum' dimasukkira dan akaun terakhir Kementerian/Jabatan disesuaikan dengan rekod Jabatan Akauntan Negara) tidak lewat daripada	30hb. April, 1982

### 3. Kertas Kerja Bagi Menyokong Penyata Kewangan Tahun 1981

Semua agensi Kerajaan yang terlibat dalam urusan penutupan akaun ini hendaklah mengemukakan ke Jabatan Akauntan Negara penyata dan dokumen yang disenaraikan dibawah ini untuk membolehkan Jabatan ini menyedia dan melengkapkan Penyata Kewangan Tahun 1981 dengan sempurna dan tepat. Penting ditegaskan disini bahawa penyata dan dokumen tersebut amat diperlukan sebagai kertas kerja yang menyokong Penyata Kewangan Tahunan tersebut.

#### A. Pejabat Cawangan Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Mengakaun Sendiri.

Ajensi-ajensi yang diatas ini hendaklah menyampaikan dokumen berikut kepada Jabatan Akauntan Negara tidak lewat daripada 15hb. Mei, 1982.

- a) Imbangan Duga terakhir bagi Akaun tahun 1981.
- b) Penyata Penyesuaian Bank (AP.146) yang disokong oleh Sijil Bank.
- c) Sijil Panjar Wang Runcit disertakan dengan Penyata Bank dan Penyata Penyesuaian Bank (sekiranya ada)
- d) Penyata yang menunjukkan kedudukan panjar lain (AP 113© ). Penyata Bank dan Penyata Penyesuaian Bank.
- e) Penyata penyesuaian antara rekod Jabatan/Kementerian dengan rekod Akauntan Negara.

- f) Penyata Penyesuaian bagi Akaun Penyelesaian Jabatan Mengakaun Sendiri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara dengan Akaun Penyelesaian Akauntan Negara.
- g) Salinan Lapuran Komputer bagi akaun bulan Disember 1981 (Tambahan Akhir) yang mengandungi senarai akaun Amanah, kutipan hasil dan segala perbelanjaan mengikut pecahan kepala perbelanjaan. (Disediakan oleh Cawangan Jabatan Akauntan Negara sahaja).
- h) Senarai Akaun Amanah yang telah disesuaikan dengan baki di Jabatan Akauntan Negara pada 31hb. Disember, 1981. (Disediakan oleh Jabatan Mengakaun Sendiri sahaja).

*B. Bendahari Negeri*

Semua Bendahari Negeri dikehendaki menyampaikan Penyata Penyesuaian bagi Akaun Semasa Antara Pentadbiran dan Akaun yang bersamaan di Jabatan ini selewat-lewatnya pada 15hb. Mei, 1982.

*C. Pegawai Pengawal Akaun Amanah*

Semua Pegawai Pengawal Akaun Amanah dan Akaun Deposit dikehendaki mengemukakan Sijil Pengesahan baki pada 31hb. Disember, 1981 beserta penyata Penyesuaian Akaun kepada Jabatan Akauntan Negara selewat-lewatnya pada 22hb. Mac, 1982. Penyata Penyesuaian antara baki akaun kecil dan akaun kawalan dan salinan Penyata Penerimaan Dan Perbelanjaan bagi tahun 1981 juga hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini pada atau sebelum 15hb. Mei, 1982.

*D. Pemegang Panjar Seperduabelas/Tiga Perduabelas*

Semua Pemegang Panjar Seperduabelas /Tiga Perduabelas hendaklah menyediakan Sijil Panjar seperti pada 31hb. Disember, 1981. Sijil Panjar ini hendaklah disertakan dengan Sijil Perakuan Bank dan juga Penyata Penyesuaian Bank dan disampaikan kepada Perbendaharaan dari mana wang panjar itu pada mulanya diperolehi tidak lewat daripada 1hb. Mac, 1982. Penyata Penyesuaian antara baki dalam buku tunai pemegang panjar dan baki dalam rekod perbendaharaan yang berkenaan hendaklah juga disertakan.

4. Tuan adalah diminta supaya mengambil tindakan tegas mulai dari sekarang bagi menggelakkan timbulnya apa-apa kesulitan kelak. Sekiranya terdapat sebarang masalah yang mungkin akan melewatkkan tuan dari mematuhi jadual yang telah ditetapkan itu maka tuan hendaklah menghubungi Jabatan ini dengan segera supaya tindakan yang sepatutnya dapat diambil bagi menentukan kerja perakaunan di Kementerian/Jabatan tuan dapat dilaksanakan dengan tidak menjelaskan tarikh-tarikh yang telah ditetapkan bagi penutupan akaun tahun 1981 itu.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SHAMSIR BIN OMAR)

AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA.

s.k.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

Kementerian Kewangan,

KUALA LUMPUR.

Ketua Odit Negara Malaysia,

Pejabat Ketua Odit Negara,

KUALA LUMPUR.